


1. Apakah kaedah perniagaan bagi Syarikat Ramizu Sdn Bhd.?

- A Jualan bagi memaksimumkan keuntungan
- B Jualan pada harga di bawah kos
- C Jualan pada harga kos
- D Secara percuma

2. Rajah 1 menunjukkan salah satu bentuk lain perniagaan.



Antara berikut, yang manakah kelebihan perniagaan ini kepada A?

- I Dapat mengembangkan perniagaan secara global
- II Risiko kegagalan perniagaan adalah rendah
- III Tidak memerlukan pengalaman
- IV Dapat menembusi pasaran baharu

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

3. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri bentuk pemilikan perniagaan

- Hal ehwal syarikat dirahsiakan
- Tidak bebas pindah milik syer
- Liabiliti terhad

Apakah contoh pemilikan perniagaan tersebut

- A Asmi Global Sdn Bhd.
- B Murah Rezeki Enterprise
- C Koperasi Taman Mawar Berhad
- D Perniagaan Syahmi dan Rakan-rakan

4. Manakah yang merupakan persamaan antara perniagaan bersaiz kecil dengan perniagaan bersaiz sederhana
- A Masalah aliran tunai
 - B Kos upah yang tinggi
 - C Sukar untuk mengubah strategi perniagaan
 - D Sukar untuk menyelesaikan masalah rungutan pelanggan
5. Rajah 2 menunjukkan jenis pengangguran.



Rajah 2

Bagaimana kerajaan mengatasi masalah pengangguran Q?

- A Mengehendkan penggunaan mesin moden
 - B Melaksanakan dasar fiskal bagi mengekang kemeseletan
 - C Memberikan insentif kepada pihak perniagaan supaya pengurusan perniagaan membenarkan pekerja terus bekerja
 - D Membuat perancangan ekonomi bersesuaian dengan trend perubahan ekonomi semasa
6. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu peranan kerajaan di Malaysia.

Bidang kuasa atas bahan galian dan tanah serta mewujudkan kawasan industri untuk memajukan kegiatan ekonomi.

Kerajaan manakah yang memainkan peranan bagi pernyataan di atas?

- A Kerajaan pusat
- B Kerajaan Negeri
- C Kerajaan tempatan
- D Pihak berkuasa tempatan


7. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan taraf perintis?

- A Pelepasan cukai yang diberikan kepada perniagaan berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC)
- B Pelepasan cukai yang diberikan kepada pengeksport yang menjual barangan tempatan
- C Pelepasan cukai yang diberikan kepada syarikat yang terlibat dalam pengeluaran makanan
- D Pelepasan cukai yang diberikan kepada syarikat yang menyertai promosi oleh kerajaan

8. Trend menurun dalam persekitaran perniagaan menunjukkan aktiviti perniagaan semakin menurun. Faktor luaran manakah yang membawa kepada keadaan demikian?

- A Pekerja kurang bermotivasi
- B Keadaan ekonomi semasa lembap
- C Strategi pemasaran yang kurang berkesan
- D Kos pengeluaran semakin meningkat

9. Rajah bawah berkaitan dengan campuran pemasaran.



Rajah 3

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan unsur yang bertanda X?

- A Kos pengeluaran yang tinggi akan merugikan peniaga
- B Pembungkusan penting untuk menjamin produk tahan lama
- C Barang perlu diedarkan ke merata-rata tempat untuk meningkatkan jualan
- D Peniaga perlu menjalankan kegiatan pengiklanan untuk meningkatkan jualan



10. Apakah kesan inflasi?

- A Kuasa beli wang meningkat
- B Taraf hidup rakyat meningkat
- C Kos sara hidup semakin meningkat
- D Pendapatan boleh guna meingkat

11. Apakah tujuan pembentukan objektif sesebuah perniagaan

- A Merangka perancangan jangka masa panjang perniagaan
- B Membina satu ketetapan dalam melakukan aktiviti perniagaan
- C Memastikan hala tuju perniagaan berada di landasan yang tepat
- D Menggambarkan sasaran yang ingin dicapai dengan lebih khusus

12. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran beg bagi Perniagaan Azman.

Jumlah pengeluaran	30 000 unit
Harga seunit	RM20
Kos tetap	RM 15 000
Kos berubah sebuah beg	RM 80

Berapakah kuantiti pengeluaran beg pada titik pulang modan (TPM)

- I Dinyatakan secara khusus
- II Mengambil kira persekitaran perniagaan
- III Penjelasan kemudahan perkhidmatan yang disediakan
- IV Mampu dicapai dengan keupayaan yang ada

- A 75 unit C 250 unit
- B 125 unit D 400 unit

13. Pernyataan manakah merupakan persekitaran luaran yang boleh menjayakan sesebuah perniagaan?
- A. Struktur organisasi yang mantap dapat menyelaraskan aktiviti antara jabatan
 - B. Peluang kenaikan pangkat disediakan sebagai meningkatkan motivasi pekerja
 - C. Sumber kewangan syarikat mencukupi untuk membiayai kos operasi
 - D. Pembekal bahan mentah memberikan kemudahan kredit
14. Situasi yang manakah berkaitan dengan ciri-ciri objektif jangka masa?
- A Aini Enterprise menggunakan carta gantt dalam menyiapkan 1000 pasang pakaian
 - B Gerai nasi lemak Mak Mun menganggarkan jualan sebanyak 150 bungkus
 - C Syarikat Mobil Sdn. Bhd. Mengeksport 4000 unit keluarannya ke Eropah
 - D Kedai Kek Amy menetapkan 10 jenis perisa kek bagi perniagaannya
15. Mengapakah perniagaan yang gagal mendapat keuntungan akan mengalami kesukaran dalam mengembangkan perniagaannya?
- A Motivasi pekerja akan terjejas
 - B Imej produk terjejas di mata pengguna
 - C Perniagaan tidak dapat meningkatkan operasi perniagaan
 - D Terpaksa mengurangkan harga jualan barang
16. Maklumat berikut berkaitan dengan tugas harian Puan Maimunah
- Mentukan kuantiti dan spesifikasi barang yang dibeli adalah tepat
 - Memastikan barang pesanan mencukupi dan berkualiti
- Bahagian fungsian manakah Puan Maimunah ditempatkan?
- A Pembelian
 - B Pengagihan
 - C Pentadbiran
 - D Pengeluaran

17. Gambar 4 berkaitan dengan aplikasi teknologi maklumat yang digunakan dalam perniagaan.



Apakah aplikasi tersebut?

- A E -pemasaran C. E- banking
B E- Government D. E-dagang
18. Apakah langkah pertama dalam pembelian bahan mentah?
- A Membuat pesanan belian
B Memeriksa sebut harga daripada pembekal
C Menerima tempahan belian daripada pengurus jualan
D Menerima barangan daripada pembekal
19. Pasangan yang manakah betul?

	Jawatan	Bidang Tugas
A	Akauntan	Membantu menyediakan penyata kewangan
B	Staf kewangan	Mengurus semua bentuk hutang
C	Pegawai kredit	Menyediakan laporan pretasi kewangan
D	Pegawai Kewangan	Memeriksa bajet jabatan

20. Berikut ialah carta alir salah satu saluran agihan



Antara yang berikut, aktiviti perniagaan yang manakah yang sesuai menggunakan saluran tersebut

- A Perkhidmatan guaman
 - B Barang tempahan khas
 - C Barang keperluan harian
 - D Barang pengeluaran industri
21. Mengapakah seorang usahawan perlu menguruskan harta intelek dengan baik?
- A. Memastikan perniagaan diurus dengan baik
 - B. Menghasilkan keuntungan dalam jangka yang singkat
 - C. Memastikan kedudukan aset sentiasa kukuh dan stabil
 - D. Mengelakkan syarikat daripada ancaman cetak rompak
22. Gambar berikut berkaitan dengan sumber teknologi



Apakah prosedur mengurus sumber tersebut

- A Paten
- B Harta intelek
- C Lesen perisian
- D Hak cipta terpelihara

23. Gambar tersebut menunjukkan produk baharu yang dilancarkan oleh sebuah syarikat pengeluaran kereta.



Antara berikut, bagaimanakah penjaminan kualiti produk dapat dilaksanakan?

- I. Kaji selidik sikap pengguna terhadap produk
 - II. Mendapatkan maklum balas pelanggan tentang produk
 - III. Mendaftarkan reka bentuk produk di MyIPO
 - IV. Memastikan produk sentiasa mencukupi
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
24. Antara berikut, yang manakah merupakan kesan positif pengurusan sumber fizikal yang baik dalam mempertingkatkan kecekapan sesebuah perniagaan?
- A. Pengurangan kos operasi.
 - B. Penurunan produktiviti pekerja.
 - C. Pengurangan pembaziran sumber.
 - D. Penurunan kepuasan pelanggan.
25. Gambar berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan.



Apakah kemudahan kewangan yang ditawarkan oleh agensi tersebut?


- A. Jaminan kredit
- B. Bantuan modal
- C. Dana kewangan
- D. Geran penyelidikan dan pembangunan



26. Apakah sumber pembiayaan yang sesuai untuk menggunakan aset bagi tempoh tertentu sahaja?

- A. Modal Permulaan
- B. Pemfaktoran
- C. Sewa Beli
- D. Pajakan

27. Carta berikut berkaitan prosedur mendapatkan pembiayaan



Antara berikut, yang manakah merujuk X?

- A. Menyediakan maklumat berkaitan had pembiayaan
- B. Menyediakan maklumat berkaitan aktiviti perniagaan
- C. Menyediakan dokumen yang diperlukan oleh pihak bank
- D. Menyediakan dokumen bertulis berkaitan projek yang hendak dijalankan

28. Antara berikut yang manakah merupakan item penerimaan dalam penyata aliran tunai.

- A. Belian tunai
- B. Jualan tunai
- C. Ansuran pinjaman
- D. Deposit kenderaan

29. Dialog berikut berkaitan pihak yang berkepentingan dengan penyata kewangan.



Siapakah En. Deva?

- A. Pesaing
- B. Pelabur
- C. Pemilik
- D. Pembekal

30. Maklumat berikut berkaitan dengan kecekapan pengurusan stok dua buah syarikat perabot

Kadar Pusing Ganti Stok	Selamat Furniture	Azimi Perabot
	6 kali	8 kali

Antara berikut, yang manakah pernyataan yang betul?

- A. Jualan Azimi Perabot lebih tinggi
- B. Kos penyimpanan Azimi Perabot lebih tinggi
- C. Pengurusan stok Selamat Furniture lebih efisien
- D. Kadar pulangan keuntungan Selamat Furniture lebih cepat

31. Maklumat berikut berkaitan dengan En Asyraf.



Bagaimanakah agensi tersebut dapat menyumbangkan kepada kejayaan usahawan?

- A. Memberikan latihan kemahiran pengurusan perniagaan
- B. Menyediakan khidmat nasihat memulakan perniagaan
- C. Menyediakan modal untuk memulakan perniagaan
- D. Membantu dalam pemilihan lokasi perniagaan

32. Graf berikut merujuk kepada jumlah import produk tenusu di Malaysia



Apakah perkaitan graf tersebut dengan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya?

- A. Maklumat peribadi
- B. Objektif perniagaan
- C. Keberuntungan perniagaan
- D. Memantapkan imej perniagaan

33. Antara yang berikut, yang manakah akta yang terlibat untuk penubuhan perniagaan?

- A. Akta Kontrak 1950
- B. Akta Jualan Barangan 1967
- C. Akta Sewa Beli 1965
- D. Akta Syarikat 2016

34. Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.

Ahli antara 2 – 20 orang
Liabiliti tidak terhad

Akta yang manakah sesuai dengan ciri – ciri bentuk pemilikan tersebut?

- A. Akta Francois 1998
- B. Akta Syarikat 2016
- C. Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- D. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

35. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah syarikat Ali Travel.



Apakah prosedur yang seterusnya yang perlu dilakukan oleh Syarikat Ali Travel?

- A. Melantik setiausaha syarikat
- B. Mengisi borang carian nama syarikat
- C. Menjelaskan pembayaran Fi pendaftaran
- D. Mengisi borang permohonan pendaftaran syarikat

36. Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Salwa.

“Puan Salwa telah berjaya memperoleh borang D daripada SSM”

Apakah tanggungjawab seterusnya yang perlu dilaksanakan oleh Puan Salwa?

- I. Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran dan lesen perniagaan
 - II. Mempamerkan notis pemerbadanan syarikat sebagai bukti pendaftaran
 - III. Mendaftarkan perubahan maklumat perniagaan dalam masa 30 hari dari tarikh penubuhan syarikat.
 - IV. Memastikan nama dan nombor pendaftaran perniagaan tertera pada dokumen rasmi
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

37. Apakah dokumen yang perlu untuk merekod maklumat ambilan barang niaga?

- A. Memo
- B. Resit
- C. Invois
- D. Bil tunai


38. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Deco Mewah.

Pengurus Besar Syarikat Deco Mewah telah menjalankan satu mesyuarat bersama pihak pengurusan. Pengurus jualan dan pengurus pemasaran telah diminta meningkatkan usaha bagi mencapai matlamat jualan dan pemasaran perniagaan.

Apakah matlamat tersebut ?

- A. Menyalurkan perkhidmatan dekorasi kepada pengguna
- B. Mengambil pereka dalaman yang berpengalaman
- C. Memberikan kepuasan kepada pengguna
- D. Menjana keuntungan perniagaan

39. Dialog berikut berkaitan dengan dua sahabat yang meminati hobi memancing.



Apakah dokumen yang dimaksudkan oleh Ali ?

- A. Rancangan Pentadbiran
- B. Rancangan Perniagaan
- C. Rancangan Kewangan
- D. Rancangan Operasi

40. Bagaimanakah rancangan perniagaan yang baik dapat meyakinkan pihak bank?

- I. Kemampuan membayar hutang
 - II. Jumlah pinjaman yang dimohon
 - III. Jumlah deposit dalam akaun bank
 - IV. Kadar keuntungan yang diperoleh
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

